

## MANFAAT DAN KEKUATAN PENDEKATAN BERASASKAN SEKOLAH RIMBA TERHADAP PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK ORANG ASLI

SHAHRUL AFZAN SAMSUL ALI<sup>1</sup>, ABDUL HALIM MASNAN

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia  
shahrulafzan88@gmail.com

### ABSTRAK

*Perdebatan berkenaan dengan hak dan keperluan sering dibahaskan dalam membicarakan pendidikan masyarakat Orang Asli. Malah menerusi perbezaan budaya, adat, bahasa dan pengetahuan mendorong keperluan untuk memahami serta meneliti hak pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli. Pengaruh persekitaran rimba membawa kepada implimentasi pendekatan pembelajaran yang berasaskan sekolah rimba memberi manfaat kepada kanak-kanak Orang Asli di Malaysia. Namun, pendekatan sekolah rimba lebih tertumpu kepada peringkat arus perdana serta kurang diimplimentasikan pada peringkat awal kanak-kanak. Oleh itu, menerusi kaedah kajian kepustakaan, kertas konsep ini bertujuan membincangkan konsep sekolah rimba serta melihat manfaat dan kekuatan pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli. Hasil sorotan kajian lepas, mendapati konsep sekolah rimba merupakan satu pendekatan yang menyeluruh berpusatkan kanak-kanak dengan persekitaran rimba menerusi pengalaman pembelajaran secara langsung. Dapatan kajian turut mendedahkan manfaat dan kekuatan pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli. Manfaat tersebut antaranya 1) mengapai perkembangan holistik, 2) kepelbagaian pendekatan, dan 3) membina kompetensi guru. Manakala kekuatan yang dibincangkan merangkumi 1) keperluan Orang Asli, 2) persekitaran rimba dan 3) kelestarian budaya Orang Asli. Natijahnya pendekatan berasaskan sekolah rimba memberi implikasi yang positif terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli malah relevan dengan keperluan dan budaya masyarakat mereka.*

*Kata kunci: manfaat, kekuatan, pendekatan sekolah rimba, pendidikan awal kanak-kanak, Orang Asli*

### 1.0 PENGENALAN

Membicarakan pendidikan dalam konteks masyarakat minoriti Orang Asli, pasti tidak dapat dielakkan perdebatan berkenaan keperluan dan hak pendidikan mereka. Ini merujuk Perkara (28), (29) dan (30) yang termaktub dalam Konvensyen Kanak-Kanak 1989 yang mengiktiraf hak kanak-kanak tanpa mengeneipkan hak kaum minoriti khususnya kanak-kanak Orang Asli. Selain itu, Deklarasi Hak Pendidikan Orang Asal pada tahun 2007 menerusi *United Nation Declaration on Rights of Indigenous People* (UN-DRIP) merujuk Perkara (14) dan (15) mewartakan bahawa keperluan hak pendidikan Orang Asli perlu sesuai dengan budaya, sejarah dan bahasa mereka sendiri tanpa perlu diskriminasi. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 yang turut memberi penekanan kepada murid berkeperluan khas melibatkan murid Orang Asli untuk memperolehi pendidikan yang berkualiti dan sesuai dengan keperluan mereka. Malah laporan World Bank (2023) mendedahkan bahawa tinjauan yang dijalankan mendapati peratusan tertinggi permintaan ibu bapa dari masyarakat Orang Asli, bersetuju dengan pembukaan kelas prasekolah yang memenuhi keperluan masyarakat mereka. Kronologi tersebut jelas memberi implikasi bahawa perlunya memahami serta meneliti keperluan dan hak pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli yang berbeza dari aspek budaya, adat, bahasa dan pengetahuan mereka dengan masyarakat arus perdana.

Masyarakat Orang Asli dianggap unik, malah mampu mengekalkan budaya dan tradisi mereka secara turun-temurun dari nenek moyang mereka (Ishak, 2021). Bahkan corak pendidikan kanak-kanak Orang Asli turut dipengaruhi oleh kegiatan seharian keluarga mereka seperti bercucuk tanam, memungut hasil hutan malah masih ada yang tinggal di kawasan hutan. Ini menyokong hujah Rahman et al. (2019) bahawa sejak dari kecil, kanak-kanak Orang Asli terdedah secara tidak langsung dengan pembelajaran berkaitan alam dan persekitaran rimba.

Senada dengan kajian Awang et al. (2020) bahawa kanak-kanak Orang Asli menjadikan persekitaran rimba dan ibu bapa mereka sebagai model dan contoh teladan dalam kehidupan seharian mereka.

Menerusi pengaruh persekitaran tersebut, terdapat kajian berkenaan pendekatan pembelajaran berasaskan persekitaran yang memberi kesan positif kepada kanak-kanak Orang Asli di Malaysia. Hal ini merujuk dapatan kajian Wahab et al. (2019) menerusi kebolegunaan Kit Rimba bagi penerapan elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam kalangan murid Orang Asli telah memberi nafas baharu kepada pedagogi pribumi. Kaedah pembelajaran bersifat mesra rimba tersebut juga dilihat sebagai satu pendekatan yang dinamik serta unik dalam meningkatkan kompetensi murid Orang Asli. Dapatan tersebut juga senada dengan saranan Nordin & Wahab (2021) yang melihat kepada kewajaran pembaharuan dalam konteks pembelajaran kanak-kanak Orang Asli dilakukan menerusi pendekatan berasaskan sekolah rimba bagi memudahkan kefahaman mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Namun di Malaysia, pendekatan seumpama sekolah rimba, mesra rimba, rimbagogi lebih tertumpu kepada peringkat arus perdana khususnya peringkat sekolah rendah Orang Asli dan kurang diimplimentasikan pada peringkat awal kanak-kanak yang melibatkan tadika dan prasekolah berbanding dengan negara luar. Perkara ini dapat dijelaskan menerusi perkembangan pendekatan sekolah rimba lebih tertumpu kepada pendidikan awal kanak-kanak malah turut berkembang pesat di seluruh dunia (Bal & Kaya, 2020; Sobel, 2015).

Berdasarkan pandangan Harris (2018) pendidikan yang dilaksanakan di luar kelas dapat menawarkan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan sekaligus merangsang minat dan semangat dalam kalangan kanak-kanak terhadap sesuatu pengetahuan dan kemahiran. Pandangan tersebut juga seiring dengan konsep pendekatan sekolah rimba yang dilaksanakan di luar kelas dan jelas bahawa terdapat manfaat serta kekuatan pendekatan tersebut terhadap kanak-kanak. Bertitik tolak daripada perbincangan tersebut, timbul tiga persoalan kajian iaitu;

- a. Apakah konsep pendekatan sekolah rimba menerusi sorotan kajian lepas?
- b. Apakah manfaat pendekatan berasaskan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli berdasarkan sorotan kajian lepas?
- c. Apakah kekuatan pendekatan berasaskan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli berdasarkan sorotan kajian lepas?

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Menerusi persoalan kajian tersebut, terdapat tiga objektif kajian yang akan dibincangkan dalam kertas konsep ini seperti berikut;

- a. Konsep pendekatan sekolah rimba.
- b. Manfaat pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli.
- c. Kekuatan pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli.

## **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kertas konsep ini membincangkan penelitian konsep dan manfaat serta kekuatan pendekatan berasaskan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli menerusi kaedah kepustakaan. Penelitian yang dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur terhadap artikel jurnal yang diperolehi daripada beberapa pengkalan data dan bahan bacaan yang bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan. Perisian *ALTAS.ti 23* digunakan

untuk menganalisis data bagi mengelaskan dapatan kepada beberapa tema dan sub tema sekaligus menjawab tiga persoalan kajian.

### 3. 0 DAPATAN & PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian membincangkan tiga tema utama yang terdiri daripada konsep sekolah rimba, manfaat dan kekuatan sekolah rimba. Manakala enam sub tema bagi meneliti manfaat dan kekuatan pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli.

#### 3.1 Konsep Sekolah Rimba

Pada awal 1990-an, istilah sekolah rimba yang merupakan terjemahan dari bahasa Inggeris iaitu *Forest School* muncul dan berkembang di United Kingdom (Williams-Siegfredsen, 2017; Knight, 2009). Perkembangan tersebut dicetuskan oleh sekumpulan pensyarah dari kolej Bridgwater selepas lawatan mereka ke Denmark dengan tujuan untuk mempelajari dan memahami bagaimana pendekatan bermain bebas di alam terbuka yang berpusatkan kanak-kanak dilaksanakan (Knight, 2009). Daripada pengalaman tersebut, mereka mengambil inspirasi dengan membangunkan satu tadika seakan sama dengan konsep dan pendekatan tersebut dengan meletakkannya sebagai sekolah rimba (Knight 2012). Perkembangan sekolah rimba mula menjadi perhatian apabila pendekatan aktiviti luar melibatkan interaksi dengan alam semula jadi memberi kelebihan kepada perkembangan kanak-kanak daripada krisis sosial akibat dari urbanisasi kehidupan yang berlaku di Denmark dan United Kingdom (Williams-Siegfredsen ,2017; Knight, 2009). Menurut Williams-Siegfredsen (2017) dalam bukunya menjelaskan bahawa falsafah sekolah rimba berasaskan falsafah kehidupan udara bebas (*friluftsliv*) yang diamalkan di negara Scandinavia. Falsafah tersebut menggambarkan tradisi budaya dan hak undang-undang bagi menghabiskan masa di luar untuk tujuan rekreasi serta mengembalikan keseimbangan diri dengan bantuan alam semula jadi. Dalam membicarakan konsep sekolah rimba, para sarjana telah membincangkan menerusi perspektif yang berbeza dan pelbagai dari segi istilah serta perlaksanaanya (Mackinder, 2020; Larimore, 2016; Sue Waite et al., 2016). Jadual 1 berikut menjelaskan konsep pendekatan sekolah rimba berdasarkan pandangan beberapa sarjana.

#### Jadual 1

##### *Konsep Pendekatan Sekolah Rimba*

Penulis (Tahun)	Konsep Sekolah Rimba
O'Brien & Murray (2006)	Satu proses yang memberikan inspirasi dan menawarkan peluang secara berkala kepada kanak-kanak, remaja, dan dewasa untuk berjaya serta membangunkan keyakinan melalui pembelajaran empirikal dalam persekitaran rimba.
Knight (2009)	Pendekatan pembelajaran dipermudahkan melalui pengalaman luar yang bermula di kawasan sekolah dan kemudian maju ke kawasan belukar tempatan atau tetapan taman semula jadi.
Wahab et al. (2013)	Satu bentuk pembelajaran luar bilik darjah yang dapat mengembangkan pencapaian, keyakinan dan estim sendiri melalui proses pembelajaran yang menggunakan rimba dan sumbernya sebagai lokasi dan bahan pembelajaran.
Turtle et al. (2015)	Pendidikan rimba sebagai falsafah pendidikan secara meluas mengikut pendekatan holistik terhadap pembelajaran, dan biasanya

	dilaksanakan di tempat semula jadi atau liar seperti hutan dan dikendalikan oleh kanak-kanak.
Leather (2018)	Pendidikan luar yang berkaitan khusus dengan pendidikan awal kanak-kanak yang mana kanak-kanak kecil menghabiskan masa di persekitaran rimba.
Karavida et al. (2020)	Pendekatan pendidikan yang berpusat kepada kanak-kanak berdasarkan alam semula jadi dan persekitaran dengan penekanan pada hutan dan penerokaan spontan oleh kanak-kanak. Ia berlaku secara eksklusif di luar bangunan dan dalam apa jua keadaan cuaca. Ia adalah sebuah falsafah pembelajaran melibatkan kanak-kanak berumur antara tiga hingga enam tahun yang menekankan penggunaan semua deria.
Sella et al. (2023)	Pendekatan yang mengintegrasikan alam semula jadi ke dalam falsafah, kurikulum, dan persekitaran secara keseluruhan dan kanak-kanak biasanya menghabiskan sebahagian besar hari mereka di luar dengan pengalaman alam yang mendalam.

Menerusi penelitian sorotan kajian lepas dalam Jadual 1, pengkaji merangkumkan bahawa konsep pendekatan sekolah rimba merupakan satu pendekatan yang menyeluruh berpusatkan kanak-kanak dengan persekitaran alam semula jadi ataupun rimba bagi membina keyakinan dan estim sendiri menerusi pengalaman pembelajaran secara langsung. Namun dalam membicarakan konteks pendidikan awal kanak-kanak, para sarjana turut menyatakan bahawa konsep pendekatan sekolah rimba merupakan satu pedagogi alternatif kepada pendekatan pendidikan luar yang melibatkan interaksi kanak-kanak dengan persekitaran alam semula jadi (Mackinder, 2020; Kahriman-Pamuk & Ahi, 2019; Waite & Goodenough, 2018).

### **3.2 Manfaat Pendekatan Sekolah Rimba Terhadap Pendidikan Awal Kanak-Kanak Orang Asli**

Konsep Pendekatan sekolah rimba yang telah dibincangkan, lebih tertumpu kepada peringkat awal kanak-kanak dan ini merujuk kronologi perkembangan konsep sekolah rimba itu sendiri. Sesuai dengan fitrah semula jadi kanak-kanak seperti bermain dan meneroka, meletakkan pendekatan sekolah rimba memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak (Coates & PitlottWilson, 2019; Kahriman-Pamuk dan Ahi, 2019; Wahab et al., 2019; Wahab et al., 2020b). Menerusi penelitian sorotan kajian lepas, dapatan menemukan tiga sub tema manfaat yang diperoleh dari pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli. Sub tema tersebut adalah a) mengapai perkembangan holistik, b) merangkumi pendekatan pelbagai dan c) membina kompetensi guru terhadap masyarakat Orang Asli.

#### **3.2.1 Mengapai Perkembangan Holistik**

Pendekatan sekolah rimba yang dilaksanakan merangkumi perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh. Hal ini merujuk pandangan sarjana menerusi aktiviti bermain serta inkuiri penemuan yang berpusatkan murid dalam pendekatan sekolah rimba memberi kesan positif kepada perkembangan kanak-kanak secara holistik merangkumi emosi, fizikal, bahasa, sosial, dan kognitif (Coates & Pimlott-Wilson, 2019; Khariman-Phamuk & Ahi, 2019; Bal & Kaya, 2020; Dilek & Atasoy, 2020; Karavida et al., 2020; Wahab et al., 2020b; Knight, 2012). Dapatan juga turut menjelaskan bahawa pendekatan secara langsung di persekitaran semula jadi turut memberi implikasi positif kepada kanak-kanak menerusi keyakinan diri, kamahiran

interaksi sosial dan kemahiran fizikal serta kesihatan mereka (Coates & Pitlott-Wilson, 2019; Boileau & Dabaja, 2020). Peningkatan bukan sahaja dapat dikesan menerusi perkembangan fizikal kanak-kanak, malah memberi kelaziman kesan positif terhadap pemikiran kreatif, daya tahan psikologi dan mendorong rasa ingin tahu mereka. Secara tidak langsung turut membantu kanak-kanak mencapai kualiti tidur yang terbaik (Sella et al., 2023). Jika dirujuk Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Semakan, 2017) yang digunapakai dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak khususnya prasekolah di Malaysia, jelas menunjukkan bahawa pendekatan sekolah rimba selari dengan matlamat yang digariskan dengan mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu. Malah mencakupi keenam-enam tunjang dalam KSPK iaitu komunikasi, kerohanian sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika, serta sains dan teknologi. Secara ringkasnya, pelaksanaan pendekatan sekolah rimba dapat memberi manfaat bukannya hanya tertumpu kepada kemahiran fizikal semata-mata malah turut mempengaruhi perkembangan kanak-kanak secara holistik.

### 3.2.2 Kepelbagaian Pendekatan

Berbicara kembali berkenaan konsep pendekatan sekolah rimba, Turtle et al. (2015) melihat bahawa pendekatan sekolah rimba sebagai falsafah pendidikan secara meluas menerusi pendekatan holistik terhadap pembelajaran yang berpusatkan kanak-kanak. Pandangan tersebut jelas menggambarkan kepelbagai pendekatan yang digunakan dalam pelaksanaan pendekatan sekolah rimba. Perkara ini dapat dilihat menerusi penelitian sorotan kajian lepas menerusi pandangan guru terhadap konsep sekolah rimba. Bal dan Kaya (2020) mendedahkan bahawa guru beranggapan menerusi pendekatan sekolah rimba, kanak-kanak ditawarkan pembelajaran yang komprehensif dan unik melalui pelbagai pendekatan seperti penerokaan, penyelidikan, berorientasikan penyelesaian masalah dan belajar secara *hands on* sekaligus merangsang rasa ingin tahu kanak-kanak serta membina karakter mereka yang lebih yakin, kreatif dan bertanggungjawab. Menerusi dapatan sorotan kajian lepas pelbagai pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan pendekatan sekolah rimba terhadap kanak-kanak, Jadual 2 berikut menunjukkan pendekatan yang diaplikasikan.

#### Jadual 2

##### *Pendekatan Pelbagai dalam Pendekatan Sekolah Rimba*

Penulis (Tahun)	Pendekatan
Mackinder (2020)	-Pendekatan Berpusatkan Murid -Pendekatan Bersesuaian -Pendekatan Bermain & Belajar
Mackinder, (2020) Kahriman-Pamuk & Ahi, (2019) Waite & Goodenough, (2018).	-Pendekatan Pendidikan Luar
Bolieau & Dabaja (2020)	-Pendekatan Bimbingan Guru -Pendekatan Pembelajaran Muncul/ Situasi
Bal & Kaya (2020)	-Pendekatan pelbagai melibatkan penerokaan, penyelidikan, penyelesaian masalah dan bersifat hand-on serta fleksibel.
Mackinder (2020) Turtle et al. (2015)	-Pendekatan Holistik

Karavida et al. (2020)	-Penerokaan Sepontan
Bolieau & Dabaja (2020)	-Pendekatan Integrasi
Sella et al. (2023)	a) budaya dan adat pribumi b) alam semula jadi dengan kurikulum atau falsafah pendidikan.

Kepelbagaian pendekatan dalam Jadual 2 tersebut memberi manfaat kepada kanak-kanak malah turut membantu guru dari aspek pengurusan PdP. Master dan Gorgon (2018) berpandangan menerusi kepelbagaian aktiviti dan pendekatan dalam sekolah rimba memberi kelebihan kepada kanak-kanak membina pengalaman yang pelbagai, malah turut membantu guru mengenal pasti keperluan dan minat murid. Berbicara dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli, kepelbagaian ini turut membantu guru dalam merancang dan memilih strategi PdP yang bersesuaian agar pembelajaran murid lebih berkesan dan bermakna seperti mana saranan dalam KSPK (semakan 2017, ms. 10).

### 3.2.3 Membina Kompetensi Guru

Selain tumpuan kepada kanak-kanak Orang Asli, pendekatan sekolah rimba juga dilihat memberi manfaat kepada guru khususnya guru pendidikan awal kanak-kanak yang mengajar Orang Asli. Hal ini merujuk dapatan kajian MacEachren (2018) bahawa pelaksanaan amalan tradisional Orang Asli merupakan sebahagian dari pengalaman pendidikan awal kanak-kanak di sekolah rimba. Amalan tersebut dilihat membantu guru yang terlibat untuk membina pemahaman yang lebih mendalam tentang budaya masyarakat Orang Asli, menghormati pengetahuan Orang Asli dan mempromosikan hubungan yang positif antara kanak-kanak dan persekitaran alam semula jadi serta budaya tempat mereka berada. Menerusi pendekatan sekolah rimba, guru juga dilihat dapat memperkuat profesionalisme mereka melalui perancangan serta penerokaan dalam melaksanakan pendekatan sekolah rimba terhadap kanak-kanak Orang Asli. Hal ini merujuk Masnan et al. (2021) yang menyifatkan bahawa pembelajaran di luar bilik darjah mampu meningkatkan kebolehan profesionalisme guru. Jika disorot kembali, pendekatan sekolah rimba turut merangkumi pengurusan risiko yang perlu dikawal selia oleh guru kerana pelbagai bentuk risiko yang wujud dalam pelaksanaan pendekatan sekolah rimba adalah tanggungjawab guru (Wahab et al., 2019; Haron et al., 2020). Secara tidak langsung memerlukan guru berpengetahuan dan berkemahiran dalam memastikan pendekatan sekolah rimba dapat dilaksanakan dengan selamat. Aspek tersebut jelas memberi tambah nilai kepada guru yang bukan sahaja dapat memahami budaya dan pengetahuan masyarakat Orang Asli malah dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terhadap sesuatu risiko sekaligus meningkatkan kompetensi guru.

### 3.3 Kekuatan Pendekatan Sekolah Rimba Terhadap Pendidikan Awal Kanak-Kanak Orang Asli.

Para sarjana bersetuju bahawa pendekatan sekolah rimba merupakan pendekatan yang selari dengan pendidikan awal kanak-kanak (Leather, 2018; Kahriman-Pamuk & Ahi, 2019; Bolieau & Dabaja, 2020). Malah terdapat saranan melihat pendekatan sekolah rimba dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan pendidikan Orang Asli (Boileau & Dabaja, 2020). Menerusi pandangan tersebut pendekatan sekolah rimba juga dilihat mempunyai kekuatan dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli. Bagi membincangkan perkara tersebut, dapatan kajian menerusi sorotan kajian lepas mendedahkan tiga sub tema kekuatan pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak. Antaranya adalah a)

memenuhi keperluan kanak-kanak Orang Asli, b) persekitaran rimba yang sinonim dengan budaya dan kehidupan seharian masyarakat Orang Asli dan c) mengekalkan kelestarian budaya masyarakat Orang Asli.

### 3.3.1 Keperluan Orang Asli

Jika disorot kembali, pendekatan sekolah rimba merupakan satu proses pembelajaran yang menghubungkan kanak-kanak dengan alam semula jadi. Hubungan tersebut dilihat sebahagian daripada amalan tradisi serta budaya dan corak kehidupan masyarakat Orang Asli yang berkait rapat dengan alam persekitaran mereka (Leather, 2018). Malah terdapat kewajaran melaksanakan pendekatan yang relevan dengan pengetahuan pribumi seperti tradisi yang diwaris dari generasi ke generasi dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli (Scrine et al., 2020; Rameka & Shelley Stagg Peterson, 2021). Ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan sekolah rimba mampu memberi implikasi positif terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli. Perkara ini dibuktikan menerusi beberapa dapatan kajian yang mengimplimentasikan elemen budaya, pengetahuan, bahasa, persekitaran serta corak kehidupan masyarakat Orang Asli dalam pembelajaran memberi kesan positif kepada kanak-kanak Orang Asli (Aziz et al., 2017; Sianturi et al., 2018; Wahab et al., 2019; Harun et al., 2020).

Implikasi positif tersebut menggambarkan pendekatan yang berasaskan sekolah rimba relevan dengan pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli. Malah terdapat saranan dan keperluan dalam pelaksanaan proses PdP prasekolah harus mengambil kira pengetahuan, pengalaman sedia ada murid dan latar belakang keluarga kanak-kanak Orang Asli (Harun et al., 2020; Nordin & Wahab, 2021). Ringkasnya, kekuatan pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli adalah memenuhi keperluan dan budaya mereka sekaligus mempengaruhi pembentukan karakter yang lebih yakin dan menghargai diri.

### 3.3.2 Persekitaran Rimba

Bertepatan dengan konsep rimba mahupun persekitaran semula jadi, pendekatan sekolah rimba dilihat sesuai dengan persekitaran sedia ada kanak-kanak Orang Asli. Ini menggambarkan bahawa kekuatan pendekatan sekolah rimba adalah lokasi dan persekitaran semula jadi yang berhampiran serta berkait rapat dengan kehidupan kanak-kanak Orang Asli. Menerusi sorotan kajian lepas, sarjana membahaskan bahawa pembelajaran kanak-kanak Orang Asli dipengaruhi oleh lingkungan persekitaran tempat tinggal mereka sejak dari kecil (Rosniza et al., 2017; Rahman et al., 2019). Wahab et al. (2019) menyatakan bahawa pendekatan sekolah rimba dapat membantu kanak-kanak Orang Asli memahami proses pembelajaran secara terus di sekolah berasaskan persekitaran mereka. Malah persekitaran rimba tersebut disifatkan sebahagian dari ciri-ciri asas pendekatan sekolah rimba dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak (Karavida et al., 2020).

Selain itu, melalui persekitaran rimba sedia ada, kanak-kanak Orang Asli secara tidak langsung dapat menggunakan sepenuhnya bahan pembelajaran secara maujud yang terdapat di persekitaran mereka dalam pendekatan sekolah rimba. Chen (2023) menyifatkan pengintegrasian bahan yang sedia ada di persekitaran mampu merangsang kreativiti dan imaginasi serta kecekapan budaya kanak-kanak Orang Asli. Bahan tersebut merangkumi bahan yang berasaskan persekitaran semula jadi seperti batu, kayu, daun, bulu, rotan dan kebanyakan bahan tersebut mudah diperolehi di sekitar tempat tinggal dan sekolah mereka (Dzamesi & van Heerden, 2020; Chen, 2023). Malah bahan tersebut bukan sahaja lebih mudah didapati namun

turut memberi makna secara kontekstual berbanding bahan luar yang melibatkan kos yang tinggi serta tidak sesuai dalam konteks budaya mereka. Senada dengan Page et al. (2022) bahawa bahan sedia ada mampu menyokong pembelajaran kanak-kanak Orang Asli malah mendorong penglibatan ibu bapa dan keluarga untuk turut serta. Justeru itu, pendekatan sekolah rimba relevan dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli dengan mengutamakan komponen persekitaran dan sumber bahan pembelajaran sedia ada mereka bagi memastikan proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan.

### 3.3.3 Kelestarian Budaya

Menerusi sorotan kajian lepas, kekuatan pendekatan sekolah rimba bukan sekadar memenuhi keperluan kanak-kanak masyarakat Orang Asli serta persekitaran rimba semata-mata malah turut memberi implikasi kepada aspek Kelestarian budaya masyarakat Orang Asli itu sendiri. Perkara ini merujuk pandangan Ishak (2021) yang menyifatkan bahawa masyarakat Orang Asli berpegang kepada karakter kelestarian dengan kemampuan mereka mengekalkan kehidupan tradisi nenek moyang mereka berpaksikan budaya dan adat sehingga kini. Jika disorot kembali, pendekatan sekolah rimba lebih tertumpu kepada proses pembelajaran yang bersifat alam semula jadi dengan menitikberatkan elemen-elemen budaya, tradisi dan pengetahuan Orang Asli.

Malah terdapat keperluan dalam pelaksanaan proses PdP dengan menerapkan nilai-nilai berasaskan kehidupan budaya masyarakat Orang Asli seperti cerita rakyat, lagu sewang, kraftangan, perhiasan, tumbuhan herba alatan memburu (Harun et al., 2020; Wahab et al., 2020a). Penumpuan tersebut mendorong kepada pengukuhan kelestarian warisan dan budaya Orang Asli (Wahab et al., 2020a; Wahab et al., 2020b; Nordin & Wahab, 2021). Kekuatan ini menyokong pandangan pakar bahawa terdapat keperluan mengekalkan identiti Orang Asli, memastikan ilmu pribumi tidak dilupakan, memelihara hutan serta memupuk semangat kekitaan dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli (Wahab et al., 2020a).

## 4.0 KESIMPULAN & CADANGAN KAJIAN

Kesimpulannya pendekatan sekolah rimba memberi implikasi yang positif terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli malah sesuai dengan keperluan dan budaya masyarakat mereka. Implikasi tersebut merujuk kepada manfaat yang telah dibincangkan merangkumi perkembangan holistik kanak-kanak Orang Asli yang dapat dicapai menerusi kepelbagaian pendekatan yang digunakan dalam pendekatan sekolah rimba. Malahan dengan adanya pendekatan sekolah rimba dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli, secara tidak langsung dapat mambantu meningkatkan kompetensi guru memahami dengan mendalam budaya dan pengetahuan masyarakat Orang Asli. Kesesuaian pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli juga dapat dijelaskan menerusi keperluan yang dipenuhi mengikut nilai budaya serta persekitaran rimba sedia ada yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Orang Asli. Natijahnya mendorong kepada pengukuhan kelestarian warisan dan budaya masyarakat Orang Asli.

Berdasarkan dapatan yang telah jelaskan, adalah diharapkan bahawa pendekatan sekolah rimba dapat diimplimentasikan secara menyeluruh dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli serta mendapat sokongan penuh dari semua pihak baik guru, ibu bapa, masyarakat dan pihak yang berkepentingan. Bagi mencapai tujuan tersebut, terdapat keperluan dan cadangan yang wajar dipertimbangkan antaranya 1) membangunkan program sekolah rimba kanak-kanak prasekolah Orang Asli, 2) memperkasakan latihan dan bimbingan kepada guru

pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli, 3) program penyelidikan dan inovasi pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli, 4) meningkatkan sumber bahan rujukan berasaskan budaya dan tradisi serta pengetahuan Orang Asli dan 5) membangunkan rangka kerja pendekatan sekolah rimba yang holistik terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli.

Ringkasnya dalam mendokong transformasi pendidikan ke arah kemenjadian generasi madani, hak keperluan dan budaya masyarakat Orang Asli tidak seharusnya diketepikan malah diambilkira sebagai komponen utama dalam pendidikan mereka sepertimana manfaat dan kekuatan pendekatan sekolah rimba terhadap pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli yang wajar diberi perhatian.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan penulisan kertas konsep ini.

## RUJUKAN

- Awang, M. M., Khairuddin, K. F., Ahmad, A. R., Ghani, S. A., Wahab, J. L. A., & Mamat, R. M. S. R. (2022). School Absenteeism: Contributing Factors, Activities during Truancy and Learning Culture Aspiration among Native Pupils. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 19(1), 277–308. <https://doi.org/10.32890/mjli2022.19.1.10>
- Aziz, S. F. A., Siraj, S., Hussin, Z., Norman, N. A., & Norman, N. I. (2017). Development of a Garden-based Curriculum Content Model for indigenous primary school students. *Science Journal of Business and Management*, 5(5), 62-76.
- Bal, E., & Kaya, G. (2020). Investigation of Forest School Concept by Forest School Teachers' Viewpoints. *International Electronic Journal of Environmental Education*, 10(2), 167–180.
- Boileau, E. Y. S., & Dabaja, Z. F. (2020). Forest School practice in Canada: a survey study. *Journal of Outdoor and Environmental Education*, 23(3), 225–240. <https://doi.org/10.1007/s42322-020-00057-4>
- Chen, B. C. (2023). Non-indigenous preschool teachers' culturally relevant pedagogy in the indigenous areas of Taiwan. *International Journal of Child Care and Education Policy*, 17(1). <https://doi.org/10.1186/s40723-023-00118-3>
- Coates, J.K. and Pimlott-Wilson, H. (2019), Learning while playing: Children's Forest School experiences in the UK. *Br Educ Res J*, 45: 21-40. <https://doi.org/10.1002/berj.3491>
- Dilek, Ö., & Atasoy, V. (2020). Forest School Applications in Pre-School Period: A Case Study. *International Electronic Journal of Environmental Education*, 10(2), 195-215.
- Dzamesi, F. E., & van Heerden, J. (2020). A professional development programme for implementing indigenous play-based pedagogy in kindergarten schools in Ghana. *South African Journal of Education*, 40(3), 1–11. <https://doi.org/10.15700/saje.v40n3a1793>

- Harris, F. (2018). Outdoor learning spaces: The case of forest school. *Area*, 50(2), 222–231. <https://doi.org/10.1111/area.12360>
- Harun, N. H. B., Rahman, M. N. A., Mansor, M. A., & Muhamad, N. A. (2020). Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Kreativiti Orang Asli dalam Meningkatkan Kecerdasan Kanak-Kanak Prasekolah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 66-76.
- Haron, M. N., Kasim, R., Wahab, N. B. A., Mohd, S. N. T., & Yasin, S. A. K. (2020). Forest-friendly pedagogy (PeRIMBA) at indigenous school: risk and risk perceptions. *Technology*, 3(1), 11-17.
- Ishak, M. J. (2021). Character Development Strategies Among Indigenous People In Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6(25), 28–35. <https://doi.org/10.35631/jthem.625003>
- Karavida, V., Tympa, E., & Charissi, A. (2020). Forest Schools: An Alternative Learning Approach at the Preschool Age. *Journal of Education & Social Policy*, 7(4). <https://doi.org/10.30845/jesp.v7n4p12>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kess, R., & Puroila, A. M. (2023). Narratives from the North: Early Childhood Teachers' Narrative Identities in Place. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 67(1), 126–139. <https://doi.org/10.1080/00313831.2021.1983867>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Semakan 2017)*.
- Khariman Pamuk, D., & Ahi, B. (2019). A Phenomenological Study on the School Concept of the Children Attending the Forest School. *Journal of Qualitative Research in Education*, 7(4), 1–22. <https://doi.org/10.14689/issn.2148-2624.1.7c.4s.4m>
- Knight, S. (2009) *Forest Schools and Outdoor Learning in the Early Years*, London: Sage
- Knight, S. (2012). Valuing outdoor spaces: different models of outdoor learning in the early years. *Cross-cultural perspectives on early childhood*, 29.
- Larimore, R. (2016). Defining Nature-Based Preschools. *The International Journal of Early Childhood Environmental Education*, 4(1), 32.
- Leather, M. (2018). A critique of “Forest School” or something lost in translation. *Journal of Outdoor and Environmental Education*, 21(1), 5–18. <https://doi.org/10.1007/s42322-017-0006-1>
- MacEachren, Z. (2018). First Nation pedagogical emphasis on imitation and making the stuff of life: Canadian lessons for indigenizing Forest Schools. *Journal of Outdoor and Environmental Education*, 21(1), 89–102. <https://doi.org/10.1007/s42322-017-0003-4>

- Mackinder, M. (2020) *Degrees of difference. A case study of forest school in England and Denmark*. Doctoral thesis, University of Leicester.
- Masnan, A. H., Manja, S. A., Zain, A., Taib, F. S. bt. M., & Ahmad, W. J. bt. W. (2021). Preschool Nature Education Module for Preschool Teachers Activities. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(2), 1-12.
- Masters, J., & Grogan, L. (2018). A comparative analysis of nature kindergarten programmes in Australia and New Zealand. *International Journal of Early Years Education*, 26(3), 233-248. Routledge. <https://doi.org/10.1080/09669760.2018.1459507>
- Nordin, N.A., & Wahab, N.A. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengekalkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*.1(1), 10–21.
- O'Brien, Liz., & Murray, R. (2006). A marvellous opportunity for children to learn: A participatory evaluation of forest school in England and Wales. *Forest Research*.
- Page, J., Murray, L., Niklas, F., Eadie, P., Cock, M. L., Scull, J., & Sparling, J. (2022). Parent Mastery of Conversational Reading at Playgroup in Two Remote Northern Territory Communities. *Early Childhood Education Journal*, 50(2), 233–247. <https://doi.org/10.1007/s10643-020-01148-z>
- Rahman, M. N. A., Apu, K. A., Muhamad, N. A., & Mansor, M. A. (2019). Kecerdasan Kanak-Kanak Berasaskan Intelektualisme Orang Asli: Pendekatan Fuzzy Delphi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 1–8.
- Rameka, L., & Stagg Peterson, S. (2021). Sustaining Indigenous languages and cultures: Māori medium education in Aotearoa New Zealand and Aboriginal Head Start in Canada. *Kotuitui*, 16(2), 307–323. <https://doi.org/10.1080/1177083X.2021.1922466>
- Rosniza Aznie Che Rose, Nor Hazlinda Saari, & Novel Lyndon. (2017). Kefahaman dan pengalaman literasi dalam kalangan masyarakat Orang Asli Pahang. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 116–124. <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/22208/6982>
- Scrine, C., Farrant, B., Michie, C., Shepherd, C., & Wright, M. (2020). Raising strong, solid Koolunga: Values and beliefs about early child development among Perth's Aboriginal community. *Children Australia*, 45(1), 40–47. <https://doi.org/10.1017/cha.2020.7>
- Sella, E., Bolognesi, M., Bergamini, E., Mason, L., & Pazzaglia, F. (2023). Psychological Benefits of Attending Forest School for Preschool Children: a Systematic Review. *In Educational Psychology Review* (Vol. 35, Issue 1). Springer. <https://doi.org/10.1007/s10648-023-09750-4>
- Sianturi, M., Chiang, C. L., & Hurit, A. A. (2018). Impact of a place-based education curriculum on indigenous teacher and students. *International Journal of Instruction*, 11(1), 311–328. <https://doi.org/10.12973/iji.2018.11122a>
- Sobel, D. (2015). *Nature preschools and forest kindergartens: The handbook for outdoor learning*. Redleaf Press.

- Sue Waite, Mads Bølling & Peter Bentsen (2016) Comparing apples and pears?: a conceptual framework for understanding forms of outdoor learning through comparison of English Forest Schools and Danish udeskole, *Environmental Education Research*, 22:6, 868-892, DOI: 10.1080/13504622.2015.1075193
- Turtle, C., Convery, I., & Convery, K. (2015). Forest schools and environmental attitudes: A case study of children aged 8-11 years. *Cogent Education*, 2(1).  
<https://doi.org/10.1080/2331186X.2015.1100103>
- United Nations. (2007). United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples. New York: United Nations. Retrieved from.  
[https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/wpcontent/uploads/sites/19/2018/11/UNDRIP\\_E\\_web.pdf](https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/wpcontent/uploads/sites/19/2018/11/UNDRIP_E_web.pdf)
- Wahab, N. B. B. A., Mohameda, M., Hassana, A., & Haronb, M. N. (2013). Penerapan elemen sekolah rimba Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli. In *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, organised by Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia at KSL Hotel & Resort, Johor Bahru (pp. 424-432).
- Wahab, N. B. A., Haron, N., & Mamat, C. L. C. (2019). Kebolegunaan Kit RIMBA bagi Penerapan Elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam Kalangan Murid Orang Asli. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 2(1), 1-8.
- Wahab, N. A., Dwiningrum, S. I. A., Ong, E. T., & Nordin, N. A. (2020a). Forest School Concept Based on Indigenous Knowledge for Orang Asli Schools: From an Expert's Perspective. *Solid State Technology*, 63(1s), 610-618.
- Wahab, N., Goh, P., Ong, E., Ibrahim, M., & Affandi, H. (2020b). Construction Of The Forest School Framework Based On Indigenous Knowledge In Malaysia. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*, 39(2), 269--278. doi:<https://doi.org/10.21831/cp.v39i2.29316>
- Waite, S., & Goodenough, A. (2018). What is different about Forest School? Creating a space for an alternative pedagogy in England. *Journal of Outdoor and Environmental Education*, 21, 25-44.
- Williams-Sieghfredsen, J. (2017). *Understanding the Danish Forest School approach: Early years education in practice*. Taylor & Francis.
- World Bank (2023) “*Shaping First Steps: A Comprehensive Review of Preschool Education In Malaysia*” (May), World Bank, Washington, DC.